



**Manuscript Title:** Isu-isu Kemiskinan dalam Kalangan Masyarakat Melayu Kedah pada Suku Pertama Abad ke-20

**Authors:** Nur Najwa Yusof, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor

**Accepted Date:** 02-April-2021

**Please cite this article as:** Nur Najwa Yusof, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, Noor Ain Mat Noor. 2021. Isu-isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu Kedah pada suku pertama abad ke-20. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**ISU-ISU KEMISKINAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT  
MELAYU KEDAH PADA SUKU PERTAMA ABAD KE-20**

***THE ISSUES OF POVERTY AMONGST THE KEDAH MALAY  
COMMUNITY FOR THE FIRST QUARTER OF THE 20TH CENTURY***

**Nur Najwa Yusof<sup>1\*</sup>, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus<sup>1</sup>, Noor Ain Mat Noor<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

<sup>2</sup>Centre for Internship Training and Academic Enrichment, University of Malaya, Kuala Lumpur, MALAYSIA

\*Corresponding author: [najwayusof@siswa.um.edu.my](mailto:najwayusof@siswa.um.edu.my)

**ABSTRACT**

*This study emphasized on the development of socioeconomics of the Malay community in Kedah. The issues that were being focused were related to the debt and poverty which had been the dilemma and tied up with the Malay community specifically, amongst the farmers. Thus, this research will unfold the factors that had led the farmers to like being indebted. This practice was seen to be the norm to the everyday life in handling the hardship of life. In addition, the practice of indebtedness too had led the farmers to fall into the valley of poverty. From the aspect of this study, this research had fully used historical documents and materials which included books, articles, files from the state secretary, CO 273 Straits Settlements, Original Correspondence, 1838-1922 and CO 716, Kedah/Perlis Sessional Papers, 1905-1937. Based on the research finding, it was found that for the first quarter of the 20th Century, the Malays in Kedah specifically the farmers were seen to have financial difficulties. They were not only faced with poverty but also oppression from the middleman and with years of debts. Many of these farmers at that time had to get loans from the loan sharks who were seen as the main source of the income to settle all their bad debts. This research provided an understanding and a vast knowledge about the poverty, oppression and middleman issues.*

**Keywords:** oppression, middleman, bad debts, hardship, loan sharks

## ABSTRAK

*Kajian ini memberi penekanan terhadap perkembangan sosioekonomi masyarakat Melayu di Kedah. Isu-isu yang difokuskan adalah berkaitan dengan masalah hutang dan kemiskinan yang sering kali menjadi dilema dan membelenggu masyarakat Melayu khususnya dalam kalangan petani. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengupas apakah faktor-faktor yang menyebabkan golongan petani gemar berhutang. Amalan ini dilihat sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan seharian mereka bagi menangani masalah kesempitan hidup. Malahan amalan berhutang ini jugalah yang menjerumus petani ke lembah kemiskinan. Dari segi kaedah penyelidikan, kajian ini menggunakan bahan dan dokumen sejarah sepenuhnya meliputi buku, artikel, fail setiausaha kerajaan, CO 273 Straits Settlements, Original Correspondance, 1838-1922 dan CO 716, Kedah/Perlis Sessional Papers, 1905-1937. Berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa dalam tempoh suku pertama abad ke-20, orang Melayu di Kedah khususnya golongan petani dilihat kerap kali menghadapi masalah kewangan. Mereka bukan sahaja berhadapan dengan kemiskinan, malahan turut mengalami penindasan orang tengah dan hutang lapuk. Rata-rata golongan petani pada masa itu terpaksa mendapatkan pinjaman daripada ceti yang dilihat sebagai sumber kewangan utama bagi menyelesaikan segala hutang piutang. Kajian ini dapat memberi pemahaman dan pengetahuan yang luas mengenai isu kemiskinan, penindasan dan orang tengah.*

**Kata kunci:** penindasan, orang tengah, hutang lapuk, kesempitan hidup, ceti

## PENGENALAN

Sejak zaman dahulu, masyarakat Melayu di Kedah sememangnya begitu sinonim dengan aktiviti penanaman padi. Logan pada tahun 1885 menggambarkan kawasan sawah padi di Kedah sebagai:

“...a magnificent plain which I can only compare to one of the wide plains of Bengal, for there is nothing like it in the rest of the Peninsula. The whole is immense paddy field broken at great intervals by clumps and belts of trees” (Logan 1851, 55).

Petikan di atas dengan jelas menggambarkan bahawa kawasan sawah padi yang terdapat di Kedah adalah begitu luas. Hal ini amat bertepatan dengan gelaran Jelapang Padi yang diberikan kepada Kedah ekoran perkembangan penanaman

padi yang begitu pesat di negeri itu. Malahan perkembangan aktiviti penanaman padi telah menghasilkan banyak lebihan sehinggakan komoditi itu turut dieksport ke luar negeri Kedah seperti ke Pulau Pinang (CO 273/388, Kedah Civil Service). Perdagangan beras antara Kedah dengan Pulau Pinang dilihat begitu rancak sekali sehinggakan komoditi ini dikenakan cukai eksport. Sebagai contoh, pada tahun 1912, cukai yang dikenakan bagi eksport padi adalah sebanyak \$5 untuk sekoyan padi dan \$10 untuk sekoyan beras (CO 273/388, Kedah Civil Service). Kebanyakan bekalan padi yang dieksport ini adalah diperolehi dari daerah Alor Setar, Langkawi dan Bandar Bahru (SUK KEDAH 561-1337).

Di sebalik kerancangan aktiviti penanaman padi di Kedah, wujud satu gejala yang tidak dapat dihindari iaitu amalan berhutang yang membelenggu masyarakat Melayu yang rata-ratanya terdiri daripada para petani. Masalah ini dilihat begitu serius sehingga meninggalkan kesan terhadap sosioekonomi masyarakat Melayu yang akhirnya menyebabkan mereka terus hidup dalam kemiskinan. Oleh itu, artikel ini akan merungkai apakah isu-isu kemiskinan yang wujud pada masa itu sehingga memaksa orang Melayu untuk berhutang serta apakah faktor yang menyumbang kepada situasi tersebut. Isu-isu berkaitan kemiskinan bukanlah merupakan isu yang baru diperdebatkan. Terdapat beberapa kajian sebelum ini yang menyorot secara langsung mengenai isu ini, namun kajian mengenai kemiskinan petani pada suku pertama abad ke-20 masih belum mendapat perhatian sewajarnya daripada para pengkaji sebelum ini. James C. Scott dalam kajiannya *Weapons of the Weak Everyday Forms of Peasant Resistance* (Scott 1985) mengupas isu kemiskinan yang berlaku dalam kalangan petani di Sedaka, daerah Muda di Kedah. Namun begitu, skop kajian ini memfokuskan terhadap aspek sosioekonomi, sistem pengairan dan kemiskinan petani merangkumi tempoh 1960 sehingga 1970-an sahaja. Dalam kajian ini, James C. Scott menggambarkan kehidupan para petani yang berada dalam serba kekurangan, kesusahan, keperitan dan kepayahan.

Sementara itu, N. A. Kularajah dalam kajiannya *Pengenalan Kepada Gerakan Kerjasama* (Kularajah 1969) membincangkan secara sepintas lalu kehidupan golongan petani yang dilanda kemiskinan serius dan berada dalam keadaan terbelakang serta amat memerlukan wang untuk menjalankan pertanian serta perbelanjaan seharian terutamanya semasa musim menyemai dan menuai. Menurut Kularajah, kaum petani mengalami kehidupan yang amat menyedihkan dan berada dalam kesengsaraan ekoran tabiat berhutang.

Isu kemiskinan turut diulas oleh seorang lagi pengkaji iaitu Sharom Ahmat dalam tulisannya *The Tradition and Change in a Malay State: A Study of The Economic and Political Development of Kedah 1878-1923* (Sharom 1984). Dalam kajian ini, Sharom Ahmat membincangkan gejala hutang dalam kalangan masyarakat Melayu dan turut memperjelaskan kepentingan pemiutang Cina dalam

masyarakat Melayu Kedah. Menurut beliau, kemunculan pemiutang Cina berlaku dengan mudah ekoran wujudnya sokongan daripada golongan pemerintah. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid, Kedah menghadapi masalah hutang yang begitu serius dan antara penyebab kepada fenomena ini ialah pergantungan ekonomi yang berlebihan kepada pemiutang Cina.

Selain itu, terdapat beberapa buah lagi kajian lain yang menyingkap secara langsung masalah sosioekonomi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu. Antaranya ialah kajian yang dihasilkan oleh Mahani Musa dalam buku yang berjudul *Sejarah Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah, 1881-1940* (Mahani 2005). Penulis memperincikan fenomena berhutang yang begitu berleluasa dalam kalangan wanita Melayu Kedah. Malahan dalam tahun 1900 sehingga 1940-an, faktor hutang dilihat menjadi salah satu punca orang Melayu kehilangan tanah mereka. Walaupun kajian ini ada membincangkan masalah hutang yang berlaku dalam masyarakat Melayu khasnya bagi kaum wanita, namun begitu, kajian ini tidak pula mengulas aspek kemiskinan secara mendalam. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa kajian mengenai penindasan dalam kalangan petani di Kedah pada suku pertama abad ke-20 terus terpinggir dalam mana-mana kajian sejarah sosioekonomi dalam negara ini.

Paul Harold Kratoska dalam *Proconsuls, Yeoman and Rice Farmers Cultural Categories in British Malaya* (Kratoska 1975) pula memfokuskan kepada masalah hutang lapuk<sup>1</sup> yang semakin membelenggu golongan petani Melayu miskin. Menurutnya, para petani Melayu biasanya mendapatkan pinjaman daripada ceti bagi tujuan membiayai perbelanjaan perkahwinan, menunaikan haji dan membeli barangan keperluan. Pinjaman ini pula diperoleh melalui kaedah cagaran tanah kepada ceti dengan kadar faedah yang begitu tinggi. Selain ceti, petani Melayu turut mendapatkan pinjaman daripada pemiutang Cina. Pinjaman ini dikenali sebagai pinjaman ratus iaitu wang pinjaman yang diberikan oleh pemiutang Cina kepada petani Melayu sebelum penuaian hasil padi dilakukan. Meskipun kajian ini secara keseluruhannya tidak memfokuskan secara langsung kepada negeri Kedah, namun sekurang-kurangnya ia dapat memberi gambaran awal terhadap situasi yang berlaku dalam kalangan petani Melayu pada zaman British.

Seterusnya, karya Afifuddin Omar, *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani* (Afifuddin 1986) turut menekankan aspek permasalahan sosioekonomi orang Melayu. Tulisan ini antaranya membincangkan peranan orang tengah yang berleluasa sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi sehinggakan kebanyakan penanam padi berada dalam cengkaman peniaga padi Cina. Di samping itu, sistem padi kunca juga semakin berleluasa ekoran daripada budaya Melayu sendiri yang menyokong cara hidup bersenang-senang dan enggan menerima

riba. Justeru, makalah ini akan mengupas sejarah dari bawah (golongan petani) secara terperinci.

### **AMALAN BERHUTANG DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU KEDAH SEBELUM ABAD KE-20**

Umumnya, amalan berhutang merupakan perkara biasa di kebanyakan kawasan penanaman padi di negara Asia. Amalan ini berleluasa ekoran kewujudan institusi-institusi pembiayaan untuk tujuan penanaman, penuaian dan pemasaran padi dilihat masih belum memadai. Situasi ini semakin meruncing memandangkan petani tidak mempunyai kuasa untuk tawar-menawar dan sering kali menjadi mangsa orang tengah (Mahani 2005, 116). Di Kedah, gejala berhutang merupakan amalan yang telah lama dilazimi oleh orang Melayu. Hal ini jelas dilihat pada tahun 1078H/1650M melalui Undang-undang Kedah yang diperturunkan fasal-fasal berkaitan orang yang berhutang. Berdasarkan Fasal 11, Undang-undang Kedah versi Ku Din Ku Meh iaitu yang berkaitan dengan hubungan antara Tuan Mas dengan orang berhutang, kedudukan orang berhutang dikatakan lebih penting berbanding hamba abdi yang sangat kecil bilangannya dan hanya terdapat di istana sultan dan rumah bangsawan (Mahani 2006, 262). Kewujudan fasal ini membuktikan amalan berhutang bukanlah sesuatu yang baru dan wujud sejak zaman dahulu lagi. Orang berhutang boleh dikerah pada bila-bila masa untuk melakukan pelbagai kerja pertanian untuk Tuan Mas dan anggota keluarganya. Amalan ini bukan sahaja memberi kesan terhadap penghutang bahkan turut mengheret ahli keluarga penghutang ke dalam situasi tersebut. Hal ini berlaku apabila ketua keluarga atau suami tidak mampu melunaskan hutang, maka ahli keluarganya juga perlu membuat kerja kerahan (Mahani 2006, 262-263).

Dalam tempoh sebelum abad ke-20, amalan hutang dalam kalangan petani Melayu berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya ialah disebabkan oleh jumlah pengeluaran padi yang kurang memberangsangkan dan mengakibatkan petani tidak mempunyai lebihan pendapatan. Pada masa ini, tidak semua petani memiliki lembu dan kerbau yang digunakan untuk membantu kerja-kerja pembajakan di sawah padi. Petani sebaliknya hanya bergantung kepada kudrat sendiri untuk membajak sawah bagi mendapatkan hasil. Malahan dalam tempoh ini juga, para petani terikat dengan sistem kerah yang mengakibatkan mereka terpaksa membanting tulang bekerja untuk tuan-tuan mereka. Situasi ini menyebabkan petani tidak dapat memfokuskan kerja di sawah mereka sendiri. Kesannya, pendapatan yang diperoleh petani amat sedikit dan tidak dapat menampung perbelanjaan seharian. Situasi yang berlaku dalam kalangan petani yang berlaku pada masa itu telah menarik perhatian Sultan Kedah untuk mengambil inisiatif bagi membantu golongan tersebut. Pada tahun 1894, Sultan

*Nur Najwa Yusof et al.*

Abdul Hamid menulis surat kepada seorang Cina yang dikenali sebagai Phua Leong<sup>2</sup> untuk meminta bantuan agar memudahkan pemberian pinjaman kepada petani Melayu. Walau bagaimanapun, para petani dikehendaki menyandarkan geran tanah mereka terlebih dahulu sebagai cagaran. Syarat yang dikenakan ini nampaknya telah menjerat petani yang telah membuat pinjaman. Apa yang sering berlaku adalah petani Melayu gagal membayar pinjaman mereka tepat pada waktunya. Kemungkinan padi yang diusahakan oleh mereka kurang menjadi. Dalam keadaan ini, para petani Melayu terpaksa menyerahkan bahagian yang lebih besar hasil tuaian padi mereka kepada Phua Leong atau mereka akan kehilangan tanah sawah kerana dirampas oleh Phua Leong. Secara tidak sedar, Sultan Abdul Hamid dengan naifnya telah membawa petani Melayu ke arah amalan berhutang secara tidak langsung (Sharom 1970, 2-3). Amalan berhutang ini seolah-olah menjadi kelaziman dalam kehidupan petani bagi menangani masalah kesempitan hidup lalu membawa mereka terjerumus ke lembah kemiskinan.



Rajah 1: Sultan Abdul Hamid yang bertanggungjawab menulis surat kepada Phua Leong bagi memberikan pinjaman kepada petani Melayu di negeri Kedah.

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI ORANG MELAYU BERHUTANG**

Tabiat berhutang dalam kalangan masyarakat Melayu telah banyak diperkatakan oleh para sarjana. Frank Swettenham dalam kajiannya menyatakan bahawa orang Melayu bersikap suka berbelanja yang adakalanya sampai ke peringkat boros. Hal ini jelas memperlihatkan sifat orang Melayu yang tidak mempunyai sikap beringat ketika berbelanja. Kebanyakan masyarakat Melayu tradisional sebenarnya tidak mempunyai simpanan wang tunai untuk dijadikan modal pusingan. Namun begitu, hal ini tidak menghalang mereka untuk menggunakan wang bagi membeli barangan demi memenuhi kehendak mereka. Masyarakat tani acap kali menghabiskan wang dengan cara yang tidak berhemah seperti membeli barangan perhiasan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Swettenham yang mendakwa bahawa orang Melayu tanpa mengira lelaki mahupun perempuan suka berpakaian cantik dan suka kepada perhiasan yang mahal. Sikap ini berlanjutan sehingga membawa kepada tabiat suka berhutang<sup>3</sup> (Swettenham 2003, 2-8).

Di samping itu, ketidakwujudan persatuan atau perkongsian yang boleh memberi pinjaman turut menyumbang kepada tabiat berhutang dalam kalangan petani Melayu. Dalam hal ini, pendapatan yang diperoleh petani hasil daripada penuaian padi sememangnya tidak mencukupi untuk menampung kehidupan seharian mereka sementara menunggu musim tuaian yang berikutnya. Bahkan pendapatan yang diperoleh mereka juga digunakan untuk melunaskan hutang lapuk hasil pinjaman sebelum memulakan kerja-kerja di sawah (SUK KEDAH 1848/1330). Oleh itu, petani terpaksa meminjam wang daripada punca atau sumber yang didapati dalam kampung-kampung mereka dan sesetengahnya daripada pajak gadai dan individu tertentu yang meminjamkan wang. Tradisi ini telah berlangsung selama ratusan tahun dan telah sebatu dalam kehidupan petani Melayu yang rata-ratanya miskin. Sebagai contoh, pada tahun 1914, hampir keseluruhan pesawah yang tinggal di Pengkalan Kundor didapati gagal melunaskan hutang mereka. Hal ini menyebabkan mereka dikenakan tindakan mahkamah (SUK KEDAH 42/33). Keadaan ini diburukkan lagi apabila kebanyakan golongan petani Melayu buta huruf dan menyebabkan mereka mudah diperdaya atau ditipu oleh pemiutang. Mereka dilihat tidak mempunyai alternatif lain untuk meminjam wang selain berhutang melalui sumber-sumber yang berisiko. Sumber-sumber ini meskipun dianggap berisiko, namun proses peminjamannya adalah mudah dan tidak perlu melalui karenah birokrasi.

Sumber yang memberikan pinjaman wang kepada petani Melayu inilah yang bertindak mengikat penghutang dengan erat sehingga mereka tidak ada jalan keluar lagi untuk mencari penyelesaian. Akhirnya, masyarakat tani ini terus



terbelenggu dengan golongan pemiutang dan seterusnya mengakibatkan mereka terjerumus ke lembah kemiskinan.

Situasi diburukkan lagi apabila berlaku pengabaian terhadap golongan petani di luar bandar yang dilihat tidak diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Dalam hal ini, pihak kerajaan meskipun mempunyai peruntukan kewangan, namun peruntukan tersebut dibelanjakan untuk kawasan bandar sahaja sementara kawasan luar bandar terus dipinggirkan.<sup>4</sup> Dalam soal pelajaran pula, sekolah yang sedia ada pada masa itu sangat kurang jumlahnya. Malahan dari segi kandungan pelajarannya juga kurang memberi faedah<sup>5</sup> kepada para pelajar (Ungku Abdul Aziz 1987, 106). Hal ini turut menjadi salah satu faktor yang menyebabkan orang Melayu tidak mampu memajukan diri dan terus hidup dalam keadaan tiada kesedaran dan cetek pengetahuan. Dalam hal ini, jelas memperlihatkan bahawa masyarakat tani bukan sahaja terhimpit dengan masalah hutang, bahkan dalam masa yang sama turut terbebani dengan situasi semasa apabila mereka terus dipinggirkan dalam soal peruntukan dan pelajaran. Situasi ini sebenarnya dapat dikaitkan dengan dasar yang dijalankan oleh pihak British yang seboleh-bolehnya tidak mahu orang Melayu maju dalam pendidikan. Sikap ini jelas melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang pegawai pendidikan British, Arthur N. Kenion pada tahun 1915 yang menyebut:


“...awak boleh mengajar orang-orang Melayu awak itu supaya tinggal terus di sawah-sawah padi dan supaya mereka tidak hilang kemahiran dan kesenian dalam kerja-kerja hutan. Ajarkan mereka supaya mereka memuliakan kerja buruh, supaya tidak semua menjadi kerani dan saya yakin awak tidak akan menghadapi kekacauan seperti yang terjadi di India akibat pelajaran yang berlebihan (Proceedings of the Federal Council, (Federated Malay States, FMS 1915) 1916, 26).”

Di samping itu, faktor persekitaran orang Melayu sendiri turut mempengaruhi tabiat berhutang yang membimbangkan dalam kalangan mereka. Dalam hal ini, raja dan pembesar yang merupakan individu yang begitu dihormati oleh rakyat bawahan dilihat turut terlibat dalam gejala berhutang. Golongan ini biasanya mendapatkan pinjaman daripada individu-individu kaya berbangsa Cina dan ceti.<sup>6</sup> Keadaan ini secara tidak langsung menjadi teladan bagi orang bawahan untuk meminjam daripada kaum Cina yang berada dan ceti. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya pentadbiran Kedah sejak dahulu lagi seolah-olah merestui amalan berhutang yang diamalkan oleh rakyat jelata memandangkan mereka sendiri turut terlibat dalam aktiviti tersebut.

## **PEMINGGIRAN MASYARAKAT TANI KEDAH AWAL ABAD KE-20**

Pada awal abad kedua puluh, proses peminggiran ekonomi dilihat mula memuncak. Bermula pada tahun 1909, semasa Kedah berada di bawah pentadbiran British, ekonomi Kedah dilanda kemasukan modal-modal dari Pulau Pinang. Pada masa ini, pelabur dan pengusaha Cina telah mendapat pinjaman modal dari *agency house* British di Pulau Pinang. Golongan pelabur dan pengusaha ini kemudiannya mula membuka kilang-kilang padi di Kedah. Sebelum penguasaan British di Kedah, tidak ramai pelabur dan pengusaha Cina yang berani melabur di Kedah. Hal ini disebabkan oleh tiadanya dasar yang liberal di bawah kekuasaan Sultan. Disebabkan itulah, dalam tempoh ini, didapati tiada kilang padi milik orang Cina yang beroperasi di Kedah. Pada masa itu, hasil tuaian padi dari Kedah dibawa ke Seberang Perai untuk dikilangkan di sana (Afifuddin 1981, 8).

Kemasukan pengaruh British pada tahun 1909 telah membawa perubahan yang besar dalam aspek pengeluaran padi apabila sistem kerah dan orang berhutang telah dihapuskan. Antara faktor penghapusan *Debt Bondage* ini adalah disebabkan ia telah menjadi masalah yang serius (CO 273/388, Abolition of Debt-Bondage in Kedah) dan merosakkan kemajuan dalam negeri Kedah. Dalam hal ini, Sultan telah melarang sama sekali kontrak sistem ini diteruskan serta mencari kaedah untuk menamatkan kontrak yang sedia ada. Berikutnya, pada bulan Julai 1910, *Debt-Bondage Enactment* telah diluluskan. Berdasarkan enakmen ini, semua kontrak hamba berhutang perlu didaftarkan bagi memudahkan pengawasan Penasihat British (CO 273/388, Abolition of Debt-Bondage in Kedah; SUK KEDAH 2288/1330). Berikutnya, pada 27 November 1912, sistem *Debt Bondage* telah dihapuskan secara rasmi di Kedah (H. C. O. KEDAH 154/191).



Rajah 2: Pengisytiharan Penghapusan Debt Bondage oleh Sultan Abdul Hamid secara rasmi pada 1 Mac 1913.

Sementara itu, dalam aspek pemilikan tanah pula, satu dasar *liberalization* telah berlaku dengan tanah-tanah milik pemerintah telah dijual kepada masyarakat tempatan yang rata-ratanya adalah terdiri daripada golongan petani. Sehingga tahun 1920, hampir kesemua tanah pamah dalam daerah Kota Setar telah diberikan hak milik kepada petani yang membelinya (CO 716/1, M. S. H. Mc Arthur, The Annual Report of the British Adviser to the Kedah Government for the Year 1338 A. H. (26<sup>th</sup> September 1919-14<sup>th</sup> September 1920). Pemberian hak milik tanah ini merupakan langkah pertama kerajaan ke arah penggunaan modal yang banyak dan secara tidak langsung menarik golongan petani Melayu ke

dalam bidang ekonomi pertanian komersial. Langkah ini menjadi permulaan perkembangan ekonomi kapitalisme yang seterusnya membawa kepada peningkatan daya pengeluaran dan peningkatan pemasaran keluaran padi yang berlebihan.

Dalam tempoh 1914-1920, Perang Dunia Pertama meletus dan mengakibatkan import beras dari Burma dan Thailand ke Tanah Melayu tersekat. Situasi ini menyebabkan negeri-negeri di Selatan Semenanjung Tanah Melayu menghadapi kebuluran. Bagi mengatasi masalah ini, British membuka lebih banyak tanah sawah di Kedah. Seiring dengan langkah ini, pihak British turut menggalakkan orang Cina menanam modal dengan membeli beras di Kedah dan menjualkannya ke negeri-negeri yang memerlukan seperti Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka bagi memenuhi keperluan pelombong di negeri tersebut. Kebanyakan pedagang Cina yang menanam modal dan membeli beras ini adalah terdiri daripada pedagang dan pelabur yang bertumpu di Alor Setar. Selain terlibat dalam sektor pengilangan beras, dalam masa yang sama, orang Cina turut memasuki bidang perdagangan borong dan runcit. Masyarakat petani di Kedah pada masa ini mula diperkenalkan dengan barang-barang import dari luar terutamanya dari Britain seperti kain. Kain-kain ini dijual kepada orang tempatan yang rata-ratanya adalah terdiri daripada petani dengan harga yang sangat murah dengan pilihan kain yang begitu banyak. Hal ini menyebabkan perusahaan tenunan kain dalam kalangan masyarakat tani mula terhapus (Afifuddin 1981, 9).

Pada awal abad ke-20 juga memperlihatkan masyarakat tani di Kedah mula menggunakan wang tunai secara meluas. Berlaku perubahan sikap dan cita rasa apabila mereka mula meminati barangan import seperti kain, tepung gandum, gula tebu, tembakau, hasil tenusu, minuman ringan dan sebagainya. Barangan import ini kebanyakannya dibawa masuk ke Kedah melalui Pulau Pinang. Hal ini membolehkan pedagang Cina memonopoli dan mengintegrasikan perdagangan borong runcit sesama mereka sahaja (Afifuddin 1981, 10). Dalam tempoh ini, jelas memperlihatkan bahawa orang Melayu tidak mempunyai kesedaran untuk menyimpan wang dengan membelanjakannya untuk membeli barangan import yang diminati. Apatah lagi, sikap ghairah orang Cina yang rancak membawa masuk dan menjual barangan import untuk mengaut keuntungan yang besar memburukkan lagi keadaan.

Sementara itu, dalam bidang pengilangan beras pula, pengilang-pengilang Cina mula melihat peri pentingnya untuk mereka memajukan perusahaan pengilangan beras dengan lebih giat iaitu dengan menetapkan target untuk mencapai keuntungan yang lebih besar. Rentetan itu, pengilang beras Cina dan peruncit Cina telah bergabung membentuk satu percantuman sistem pinjaman barang runcit dan penjualan padi. Sistem ini mempraktikkan amalan seperti berikut iaitu pengilang beras akan menyuntik pinjaman modal kepada peruncit untuk

memperbanyakkan barangan jualan di kedai-kedai mereka dalam kampung yang didiami orang Melayu. Peruncit ini menjual barangan mereka seperti tepung, gula, susu dan sebagainya secara hutang terutamanya di musim menanam padi dan musim padi membesar. Apabila musim menuai tiba, petani membayar hutang dengan padi yang nilai harganya ditentukan oleh peruncit Cina tadi. Walaupun tiada kadar faedah atau bunga yang disebut dalam proses pembayaran hutang ini, harga yang diletakkan oleh peruncit sudah pun merangkumi kadar faedah pada kadar purata 80 peratus setahun. Apa yang lebih membimbangkan, kadar faedah yang paling tinggi adalah mencapai sekitar 300 peratus setahun. Jumlah faedah ini merangkumi kadar faedah yang perlu dibayar oleh peruncit Cina kepada pengilang beras (Lim Chong Yah 1967; Otto Charles Doering 1973). Pengenalan sistem seperti ini telah membebaskan petani Melayu yang berhutang dengan peruncit Cina. Sistem ini memberi faedah yang besar kepada pengilang beras dan peruncit Cina yang mengaut keuntungan yang tinggi dan lumayan. Sebaliknya, petani Melayu yang datang untuk menjelaskan hutang mereka di kedai-kedai runcit ini telah ditipu dengan harga yang lebih mahal daripada harga sebenar barang yang telah dibeli oleh mereka. Petani Melayu ini telah dimanipulasi dan dicengkam oleh lintah-lintah darat lalu terjerumus ke lembah kemiskinan.

Ringkasnya, percantuman sistem pinjaman barang runcit dan penjualan padi telah membentuk satu jaringan pengilang dan peruncit Cina yang memegang monopoli yang cukup kukuh di Kedah. Sistem ini sebenarnya membolehkan pengilang dan peruncit mendapat untung atas angin hasil daripada kerja keras petani Melayu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi pemerhatian yang dibuat oleh Penasihat British Kedah iaitu Maxwell pada tahun 1913. Beliau mendakwa bahawa kebanyakan pesawah-pesawah pada masa ini berada dalam penguasaan peruncit-peruncit yang menghulurkan kredit dari semasa ke semasa sementara menunggu padi masak dan hutang-hutang ini dibayar dengan sepenuhnya pada musim penuaian (Afifuddin 1981, 10).

Pada tahun 1911, sudah wujud seramai 119 peruncit yang mempunyai lesen membeli padi di Kedah. Daripada jumlah ini, tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang terdiri daripada orang Melayu. Hal ini terjadi disebabkan sistem monopoli yang tidak terdaya ditembusi oleh orang Melayu sendiri yang merupakan anak tempatan. Orang Melayu tidak mempunyai modal mahupun simpanan yang boleh dijadikan pusingan modal berniaga, apatah lagi menjadi peruncit dan pengilang beras. Mereka hanya bertani, membeli barang keperluan harian dan menjelaskan hutang hasil pembelian barangan di kedai-kedai Cina di kampung. Keadaan ini menjurus petani Melayu ke kancah hutang lapuk kerana kebanyakan mereka pada awalnya sudah tersilap langkah membeli barangan import dan barang-barang keperluan harian di kedai-kedai Cina (Afifuddin 1981, 11). Kesannya, padi kunca mula menghisap kekayaan yang diusahakan petani

Melayu selama ini. Dalam hal ini, dapat dilihat jurang ekonomi antara orang Melayu dan Cina di negeri Kedah yang begitu ketara.

Apa yang lebih menyedihkan, golongan atasan Melayu di Kedah pada waktu ini sebenarnya mempunyai peluang yang lebih luas dan lebih awal untuk bertanding dengan pedagang dan pengilang Cina sebelum sistem monopoli Cina menjadi kukuh. Golongan atasan Melayu mempunyai modal yang cukup dari segi pemilikan tanah, pengawalan dan penguasaan tenaga buruh. Namun begitu, disebabkan kemasukan barangan import secara meluas seperti candu, tembakau dan kain pakaian yang mewah ini menjadikan golongan atasan Melayu ini alpa dan tanpa berfikir panjang, mereka terus membeli barangan tersebut tanpa memikirkan untuk menyimpan wang. Golongan atasan di Kedah mendapat banyak tanah sawah melalui ampun kurnia, namun mereka tidak mengusahakan sendiri tanah tersebut, sebaliknya memajakkannya kepada pedagang Cina bagi menjana pendapatan dengan lebih cepat. Sebagai contoh, pada tahun 1911, terdapat golongan atasan yang didapati bertindak memajakkan hak untuk mengutip cukai import kayu balak kepada pedagang Cina. Hal ini merujuk kepada tindakan Syed Osman (salah seorang golongan atasan) yang mendapat hak untuk mengutip cukai import atas kayu balak dan telah memajakkannya kepada pedagang Cina dengan kadar bayaran \$400 setahun (Afifuddin 1981, 11). Hal ini secara tidak langsung membantu memperkukuhkan lagi sistem monopoli pedagang Cina di Kedah.

Walaupun Sultan telah menghapuskan sistem *Debt Bondage* atas nasihat British, asas ekonomi Kedah telah pun dimonopoli oleh orang Cina. Monopoli orang Cina semakin diperkukuhkan apabila pihak British mula membina lebih banyak sistem pengairan dan perparitan di dataran Kedah. Seiring dengan pembinaan tali air dan parit, jaringan jalan raya yang menghubungkan kawasan bandar dan kampung juga diwujudkan (Afifuddin 1981, 11). Keadaan ini menyebabkan banyak barangan jualan dapat dibawa masuk dengan lebih mudah dari bandar oleh peniaga-peniaga Cina untuk dijual kepada kaum tani di kampung-kampung. Situasi ini sudah tentu menyebabkan ekonomi tani yang sudah lemah ini bertambah rapat di bawah kongkongan monopoli perniagaan Cina. Mereka terus membeli dan hidup dalam keadaan berhutang.

## **INTEGRASI PASARAN DAN KEBERGANTUNGAN EKONOMI**

Dengan terbinanya sistem perhubungan jalan yang meluas di Kedah, satu integrasi pasaran ekonomi di antara sistem ekonomi pertanian di Kedah dengan sektor perindustrian perdagangan di Britain telah diwujudkan. Inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan dengan membina terusan atau tali air di kawasan penanaman sawah padi telah menyumbang kepada peningkatan pengeluaran padi

dan lebih hasil yang diperoleh pada waktu ini telah disalurkan ke Pulau Pinang dan akhirnya ke London. Pada tahun 1913, jaringan jalan raya yang menghubungkan Pulau Pinang, Alor Setar dan Singgora telah siap dibina di atas tebing tali air dan parit yang semuanya menuju ke arah petempatan penduduk. Bandar-bandar baru yang terletak di tepi jalan raya dibuka bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Taburan kilang-kilang beras yang besar juga dibina mengikut arah penyaluran hasil pengeluaran tani ini. Kilang-kilang beras yang kecil dibina di kawasan-kawasan kampung dengan kebanyakannya bertumpu di pinggir pekan. Pada masa ini, petani membawa hasil padi mereka ke kawasan pekan dan dalam masa yang sama mendapatkan barang keperluan mereka daripada pekedai-pekedai runcit Cina. Pengangkutan hasil padi ke pekan memerlukan petani melalui jalan-jalan desa yang becak di musim hujan dan berdebu di musim kemarau. Adakalanya para petani juga terpaksa membawa hasil padi dengan perahu melalui sungai dan tali air. Apa yang menyedihkan, kos pengangkutan hasil padi ke pekan tidak dimasukkan ke dalam perkiraan harga padi kerana harga ini dikuasai oleh kumpulan pedagang dan pengilang Cina. Sebaliknya, kos pengangkutan barangan yang diperlukan oleh petani pula dimasukkan ke dalam harga barangan (Afifuddin 1981, 11-12). Dari segala sudut, petani Melayulah yang menanggung kerugian dan terus hidup dalam penindasan. Oleh itu, tidak hairanlah kehidupan mereka terus dihimpit kemiskinan dan hutang yang tidak pernah berpenghujung.

Di Kedah, terdapat satu pekan yang dikenali sebagai pekan sehari atau pekan nat. Pekan nat ini biasanya dibuka di persimpangan jalan yang strategik dan menjadi lokasi untuk petani mendapatkan barangan harian yang diperlukan oleh mereka. Kebiasaannya, proses jual beli di pekan ini berlaku secara sehalu sahaja iaitu petani bertindak sebagai pembeli manakala pedagang bertindak sebagai penjual. Bahan-bahan keluaran petani kebanyakannya dijual kepada pedagang yang memberi pinjaman kepada mereka sahaja (Afifuddin 1981, 12). Dalam hal ini, petani Melayu langsung tidak dapat menjual padi mereka sebaliknya bertindak sebagai pembeli sahaja. Senario ini merupakan situasi yang lazim pada masa itu.

Kebanyakan pedagang pekan nat adalah terdiri daripada pedagang-pedagang kecil Melayu dengan sebahagian besar mereka berketurunan Indonesia dan tidak memiliki tanah. Kumpulan pedagang pendatang ini mendapatkan barangan seperti pinggan mangkuk, kain, rempah ratus dan lain-lain dari pedagang Cina di bandar seperti Alor Setar, Jitra dan Kangar secara pinjaman dengan kadar faedah yang tinggi. Pada masa ini, tidak terdapat sumber yang lain memandangkan monopoli barangan jualan ini berada dalam tangan pedagang Cina. Oleh itu, keseluruhan kos barangan dan pengangkutan telah dimasukkan ke dalam harga barangan yang perlu dibayar oleh petani semasa membeli barangan di pekan tersebut. Keuntungan yang didapati oleh pedagang pekan nat ini amat kecil jika

dibandingkan dengan keuntungan yang diperoleh pedagang Cina yang membekalkan barangan jualan tersebut (Afifuddin 1981, 12).

Sekitar suku pertama abad ke-20, muncul sekumpulan kecil pedagang runcit Melayu yang terdiri daripada masyarakat tani. Golongan ini terlibat dalam perniagaan barangan tradisional seperti songkok, batik dan kraf tangan kampung (Afifuddin 1981, 12). Namun begitu, kelompok kecil ini hanya memperoleh pendapatan yang sederhana. Taraf hidup mereka tidak jauh berbeza daripada taraf hidup petani biasa. Malahan lebih pendapatan mereka juga adalah terlalu kecil dan tidak berpeluang untuk menyimpan wang. Dalam konteks ini, pelaburan tidak mungkin dapat dilakukan lebih-lebih lagi dengan wujudnya kuasa monopoli. Golongan petani ini terpaksa bersaing dengan kuasa monopoli Cina yang lebih kuat di Kedah.

Menurut Afifudin Omar, dalam proses evolusi sistem kapitalis khususnya selepas keruntuhan sistem feudalisme, kemunculan golongan pedagang kecil Melayu dalam kalangan masyarakat tani merupakan satu pencapaian yang baik di dalam ekonomi masyarakat. Walau bagaimanapun, fasa dagangan ini malangnya terencat di peringkat awal lagi memandangkan proses peralihan modal dan tenaga buruh daripada bidang dagang ke bidang industri disekat oleh kuasa monopoli atau di dalam keadaan tertentu, peralihan ini berlaku ke arah asal iaitu ke arah *feudalism* atau *neo-feudalism* (Afifuddin 1981, 13)

Hal ini turut dikuatkan lagi oleh ulasan W. D. Barnes yang menyatakan bahawa peminggiran kaum tani dari sistem ekonomi kapitalisme ini telah mengakibatkan Kedah berada dalam kedudukan sebagai satelit ekonomi Pulau Pinang. Menurut Barnes lagi:

“...manakala Kedah adalah sebuah negara yang merdeka di bawah naungan Siam, (malangnya) sistem ekonominya adalah bergantung semata-mata kepada Pulau Pinang. Tiap-tiap ringgit modal yang dilaburkan adalah datangnya dari Pulau Pinang dan semua pedagang Cinanya mempunyai pertalian dengan syarikat-syarikat besar di Pulau Pinang (CO273/311, W. D. Barnes, Memo on Kedah, 21<sup>st</sup> January, 1905)”

Dalam konteks ini, jelas memperlihatkan bahawa kemewahan ekonomi Pulau Pinang adalah berasaskan kepada keuntungan yang melimpah daripada pelaburan yang dibuat di Kedah. Keuntungan-keuntungan ini dilaburkan di negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka iaitu negeri yang mengeluarkan getah dan bijih timah (Afifuddin 1981,13). Beras-beras yang didapati dari Kedah telah dibeli dengan kos yang amat rendah. Permintaan yang tinggi terhadap beras Kedah cukup memberangsangkan sehingga kerajaan menggalakkan penanaman padi huma<sup>7</sup> untuk menampung permintaan yang tinggi dari negeri-negeri lain di



Tanah Melayu (SUK KEDAH 2885/1335). Padi-padi inilah yang digunakan untuk menyara tenaga-tenaga buruh di ladang-ladang getah dan lombong. Situasi yang dialami oleh kaum tani ini umpama sebatang pokok getah yang awalnya dibaja dengan secukupnya sehingga besar, lalu ditoreh terus-menerus untuk kemewahan orang lain.

## **TABIAT HUTANG: DILEMA KEHIDUPAN ORANG MELAYU**

Tabiat hutang dalam kalangan masyarakat Melayu sememangnya sudah sebatang sejak sebelum abad ke-20 lagi. Gejala yang tidak sihat ini berterusan dalam tempoh suku pertama abad ke-20. Pada masa ini, masyarakat Melayu masih gemar berhutang untuk melaksanakan pelbagai tujuan. Sistem hutang yang wujud pada masa ini, kebanyakannya menekan dan membebankan kehidupan petani. Mereka bukan sahaja tidak mampu untuk membayar jumlah hutang yang ditagih bahkan terpaksa menggadai harta benda semata-mata mahu menyelesaikan hutang tersebut. Ringkasnya, jenis hutang atau sistem pinjaman yang wujud pada masa itu sememangnya tidak memihak petani yang rata-ratanya adalah terdiri daripada masyarakat Melayu. Akibatnya, masyarakat Melayu pada masa itu, terus berada dalam kemiskinan hasil daripada hutang yang dilakukan dengan pihak-pihak tertentu. Antara sumber pinjaman yang kerap kali menjadi pilihan petani pada masa itu termasuklah pinjaman melalui sistem padi kunca, sistem jual janji, pinjaman daripada ceti dan pinjaman daripada pemilik kedai-kedai kecil tempatan.

### **Sistem Padi Kunca**

Sistem padi kunca merujuk kepada sistem yang melibatkan hasil padi yang akan datang dijadikan sebagai cagaran untuk membuat pinjaman. Melalui sistem padi kunca, para petani Melayu tidak perlu bekerja secara langsung dengan pemiutang seperti zaman tradisional, sebaliknya mereka hanya perlu menjual hasil padi dengan kadar harga yang cukup rendah dan murah berbanding harga pasaran (Mohd Isa 2001, 65). Lazimnya, wang akan dipinjamkan kepada petani apabila mereka hendak memulakan kerja-kerja di sawah. Pinjaman yang dibuat bukan sahaja dalam bentuk wang tunai, malahan barang-barang makanan, keperluan dapur dan peralatan pertanian. Harga jualan yang ditetapkan kepada penghutang adalah kurang daripada harga pasaran sehingga mencecah separuh harga (1 kunca = 160 gantang) iaitu \$50.00 sekunca sedangkan harga yang ditetapkan oleh kerajaan ialah sebanyak \$110.00 sekunca. Harga \$50.00 inilah yang dikira sebagai hutang yang mesti dijelaskan oleh petani. Bayaran hutang ini tidak boleh dibuat dalam bentuk wang tunai sebaliknya dalam bentuk hasil padi. Keadaan ini menganiaya petani yang mengalami kerugian sebanyak \$60 untuk sekunca padi. Kerugian ini semakin bertambah sekiranya petani menyewa tanah untuk

bersawah ekoran terpaksa menjelaskan sewa tanah yang digunakan untuk bersawah. Kesannya, belum pun sampai musim padi yang seterusnya, golongan petani terpaksa berhutang sekali lagi untuk menyara keluarga (Abdul Majid 1982, 13-14). Masalah-masalah seperti ini sememangnya wujud dan pernah dilaporkan dalam fail Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK Kedah). Sebagai contoh, pada tahun 1913, individu yang dikenali sebagai Jusoh yang tinggal di Kuala Muda dikatakan gagal membayar sewa tanah bendang kepada Matt Yasin sebanyak dua kunca setengah padi disebabkan beliau telah jatuh miskin akibat hutang yang terlalu banyak kesan daripada sistem padi kunca (SUK KEDAH 2912/31).

Amalan sistem padi kunca yang berlaku pada masa itu hanyalah bersandarkan kepada kepercayaan. Sistem ini mengamalkan dasar saling mempercayai atau saling mengharap antara satu sama lain di antara penghutang dan pemiutang. Dalam sistem padi kunca, penghutang mengharapkan pinjaman, sementara pemiutang mengharapkan balasan padi kunca yang lumayan. Rata-rata petani pada waktu itu tidak mempunyai pilihan lain selain meminjam melalui sistem padi kunca meskipun mereka menyedari bahawa kebarangkalian untuk mereka bebas daripada sistem tersebut adalah mustahil. Hal ini dapat dibuktikan melalui satu kes yang berlaku pada tahun 1911 apabila individu yang dikenali sebagai Tam bin Haji Ali didapati gagal melunaskan hutang kepada pemiutang semasa tempoh mengetam. Dalam kes ini, Tam dilaporkan tidak lagi mendapat pinjaman apabila turun ke sawah pada musim berikutnya (SUK KEDAH 1308/1330). Situasi ini jelas memperlihatkan bahawa kegagalan petani untuk membayar balik pinjaman akan menjejaskan peluang mereka untuk mendapatkan pinjaman sekali lagi di masa akan datang.

### **Sistem Jual Janji**

Sistem jual janji (*promised sale*) merupakan satu lagi permasalahan yang kerap membelenggu kehidupan para petani Melayu di Kedah pada suku pertama abad ke-20. Melalui sistem ini, tanah dijual secara sementara kepada pemiutang untuk beberapa tempoh tertentu, misalnya selama tiga tahun. Berikutnya, penghutang (petani) akan menyewa semula tanah tersebut dengan kadar sewaan yang telah ditetapkan oleh pemiutang. Dalam tempoh sewaan yang dipersetujui, petani perlu melangsaikan hutangnya sehinggalah kadar tiga tahun itu selesai. Sistem jual janji ini mendatangkan risiko yang begitu tinggi kepada petani dan boleh menyebabkan tanah mereka tergadai kepada pemiutang sekiranya gagal menyelesaikan hutang dalam tempoh yang telah ditetapkan. Dalam kebanyakan kes, petani terpaksa menanggung kerugian yang besar selaku penghutang. Situasi ini dilihat sudah menjadi lumrah dan tidak dapat dielakkan (Abdul Majid 1982, 14-15). Apa yang lebih mengejutkan, sistem jual janji ini hanya dilakukan secara

verbal sahaja di antara penghutang dan pemiutang. Hutang diberikan dengan cara mengikat petani dan geran tanahnya. Dengan berbuat demikian, pemiutang dapat mengumpul geran-geran tanah yang banyak dan jika petani gagal melunaskan hutang mereka, untung besar menanti pemiutang yang bakal memiliki tanah-tanah petani kelak.

Kebiasaannya, sistem jual janji ini sering berlaku apabila petani memerlukan wang yang banyak dengan kadar segera bagi tujuan tertentu. Antaranya ialah untuk mengadakan kenduri kahwin anak, mengubati ahli keluarga yang jatuh sakit, membina rumah atau berangkat ke Mekah bagi menunaikan fardhu haji (Malayan Saturday Post 2 Februari 1924). Selain itu, terdapat juga kes yang melibatkan segelintir petani di Kedah yang menjual tanah mereka untuk perbelanjaan harian. Namun begitu, situasi seperti ini amat jarang berlaku. Kes-kes yang dibincangkan ini membuktikan bahawa orang Melayu Kedah pada masa dahulu mengalami masalah kewangan yang begitu meruncing sehinggakan terpaksa mempertaruhkan tanah milik mereka bagi meneruskan kehidupan.

Sungguhpun begitu, tidak semua petani di Kedah terlibat dalam sistem jual janji kerana terdapat segelintir daripada mereka yang meminjam wang untuk menambah modal bagi membeli tanah iaitu menambah harta yang sedia ada atau membuka kedai untuk berniaga secara kecil-kecilan (Syed Husin 1972, 107-110). Misalnya, terdapat seorang pesawah yang dikenali sebagai Lebai Mat yang tinggal di Guar Chempedak telah meminjam wang untuk membeli sebidang tanah berhampiran kediamannya dengan harga \$1000 pada tahun 1916. Tanah ini ditanam dengan pokok-pokok getah (SUK KEDAH 666/34). Walau bagaimanapun, kelompok minoriti ini bukanlah golongan berada. Mereka terpaksa berhutang untuk menambah aset harta dan meneruskan kehidupan walaupun terpaksa meminjam (Syed Husin 1972, 107-110).

### **Pinjaman daripada Ceti**

Umumnya, ceti yang tinggal di Tanah Melayu terdiri daripada golongan Nattukottai<sup>8</sup> iaitu pecahan daripada daerah Madura di Selatan India. Tidak seperti bangsa Hindu di India yang lain yang berperanan sebagai pedagang dan peniaga, golongan Nattukottai ini sebaliknya berperanan sebagai pemberi kredit sahaja atau *pure financial* (Voon 1987, 25). Kebanyakan golongan ini membuka premis atau pejabat urusan di Pekan Cina di Alor Setar dan lain-lain daerah termasuk Kulim, Bandar Bahru dan Kuala Muda (SUK KEDAH 1005/1351). Di Kedah, golongan ceti begitu aktif menghulurkan kredit dengan rata-rata penerima kredit ini terjerat dengan bahana hutang. Perihal ini ada disebut di dalam Manuskrip Jalan Keselamatan Bagi Orang-orang Melayu (Versi Melayu Jawi), Fasal ke-19 mengenai berhutang iaitu "...patut sangatlah beberapa banyak orang Melayu yang tergadai dan terlelong kampong halaman oleh cheti sebab suka berhutang

dan lekeh membayar hutang itu... (SP.18/5E/19, Manuskrip Jalan Keselamatan Bagi Orang-orang Melayu.)”.

Sebelum penubuhan Syarikat Kerjasama pada tahun 1926, masyarakat tani yang rata-ratanya berketurunan Melayu dilihat sering kali berhutang dengan ceti-ceti. Hal ini ada dilaporkan dalam Laporan Tahunan Syarikat Bekerjasama yang menyebut bahawa:

“...orang yang ber-tanam chuchok...hutang<sup>2</sup> dengan bunga yang sangat mahal dan perbaiki rumah<sup>2</sup> dan perbelanjaan bendang<sup>2</sup> dan chuchi kebun<sup>2</sup> dan sebagai-nya.....maka lazim-lah pada selama-nya kebanyak-kan dari-pada orang yang dudok perbuat bendang itu meminjam sedikit rial kepada chati<sup>2</sup> atau china<sup>2</sup> pada masa hendak perbuat bendang dengan sarat-nya pinjaman itu kena di-bayar balik dengan padi pada masa mengetam dengan harga yang sangat murah. Maka boleh di-kata dengan sarat inilah telah membawa ber-kekalan didalam hutang atau ber-lilong herta dan menahan kemamoran di-antara rayat<sup>2</sup> itu..., meminjam rial chatai<sup>2</sup> dan china<sup>2</sup> yang dudok mengambil bunga yang sangat tinggi itu...kedua<sup>2</sup> pejabat yang dudok menghisap darah mereka itu maka patut-lah juga di-sebut-kan (SUK KEDAH 312/1346)”.

Dalam kes ini, dapat dilihat petani-petani di Kedah lazimnya meminjam wang daripada ceti atas sebab-sebab yang munasabah seperti membeli peralatan untuk bersawah, membersihkan kebun dan sebagainya. Sebagaimana sistem padi kunca, pinjaman melalui ceti juga memerlukan penghutang membayar hutang mereka dengan padi yang dijual dengan harga yang jauh lebih murah berbanding harga pasaran. Malahan pinjaman ini juga turut dikenakan faedah atau kadar bunga yang tinggi.

Di samping itu, cagaran seperti geran tanah atau emas turut diperlukan oleh ceti sebelum pinjaman diberikan. Kebiasaannya, pinjaman yang dibuat itu adalah dalam jumlah yang besar. Pinjaman daripada ceti biasanya dibuat oleh orang Melayu bagi membayar hutang-hutang lama di tempat lain, membuka tanah baru, mendirikan rumah, menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dan juga sebagai persediaan bagi perbelanjaan kenduri kahwin. Jika penghutang tidak berpegang teguh kepada syarat-syaratnya, maka penghutang akan menghadapi masalah. Besar kemungkinan cagaran yang diberikan akan tergadai kepada ceti atau dilelong (Abdul Majid 1982, 16). Kelalaian mengikut peraturan yang disebutkan itu menyebabkan harta-harta orang Melayu dilelong dan akhirnya membawa kepada kemiskinan (SUK KEDAH 244/1351). Senarai pusaka ceti L. K. R. L. Karuppiya misalnya menunjukkan terdapat seramai 53 orang Melayu berhutang kepadanya. Pinjaman dibuat secara perseorangan dan ada yang meminjam

bersama suami atau adik-beradik dan rakan-rakan sekampung. Jumlah pinjaman mereka kepada ceti adalah di antara \$27.00 hingga \$5520.00. Bayaran dibuat secara ansuran atau dengan menggadaikan harta benda kepada ceti berkenaan (Mahani 2005, 118). Selain itu, berdasarkan penelitian terhadap rekod SUK, terdapat individu yang dikenali sebagai Tengku Othman yang pernah berhutang dengan Annamalai Chetty sekitar awal tahun 1920-an. Hutang beliau termasuk bunga adalah sebanyak \$21,445.30 dengan bunga yang dikenakan terhadap pinjaman adalah sebanyak \$269.80. Jumlah keseluruhan hutang Tengku Othman termasuklah faedah adalah sebanyak \$21,715.10. Ekoran jumlah yang terlalu tinggi ini, waris beliau merayu kepada mahkamah supaya menangguhkan lelong tanah bapanya.

“...patek mintak tangguh bayar 12 bulan lagi kehadapan supaya patek dapat buat kera jual gadai dan pajak tanah-tanah pesaka itu, ambil rial perbuat selesai sekalian hutang Tunku Osman Haji itu. Sekiranya krajaan tak tulong tangguh tempoh, tentu habis harta pesaka Tunku Osman Haji itu terkena lelong dan tiada boleh selesai hutang-hutang itu sebab jika jual di dalam lelong tentu harga jadi morah, tiada mau naik harga nya uleh itu patek datang bersembah maalom teriak pohon di limpah ampon benarlah di atas permintaan patek ini (SUK KEDAH 3858/1351)”.

Walau bagaimanapun, semua tanah Tengku Othman dilelong kerana pihak kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa berikutan perkara ini telah pun diputuskan oleh mahkamah (SUK KEDAH 3858/1351). Selain petani, penjawat awam yang bertugas di jabatan kerajaan di negeri Kedah juga turut tidak terlepas daripada meminjam wang daripada ceti. Misalnya, ramai dalam kalangan penjawat awam yang bekerja di Pejabat Ukur Daerah Kulim telah meminjam wang daripada ceti:

“...di antara pegawai-pegawai itu...ia apa dalam ke-susa-nya yang ada berhutang-hutang kepada chetty dan melari kan daripada bungah yang ia ada dudok bayar kepada chetty tiap-tiap bulan itu (SUK KEDAH 1792/1343)”.

Berdasarkan sumber-sumber yang memberikan pinjaman, sebenarnya tiada satu pun manfaat yang diterima petani selaku peminjam wang. Petani sebaliknya akan terus ditindas dan dibelenggu dengan masalah hutang lapuk. Pemiutang pula akan memperoleh keuntungan luar biasa hasil eksploitasi ini. Perihal ini sebenarnya telah mendapat perhatian para pemikir Melayu sejak tahun 1920-an lagi. Za'ba misalnya menyatakan pandangan beliau mengenai sikap orang Melayu yang suka meminta pertolongan dan tidak kuat bergantung kepada kudrat sendiri yang menyebabkan mereka mudah berhutang.

“...maka dengan perasaan beginilah juga mudah sangat mereka pergi (meminta tolong wang) kepada jirannya serta sangat leceh pula membayar balik dengan tiada ia terasa malu! Atau pergi berhutang kepada ceti, dan dengan jalan itu hilang kemerdekaannya, atau kesendiriannya dan tergadai terlelong harta kepunyaannya dan sawah ladangnya (Al-Ikhwan 16 Mei 1927)”.

### **Amalan Berhutang di Kedai Kecil Tempatan**

Orang Melayu telah terbiasa dengan amalan berhutang dengan kedai kecil tempatan. Biasanya barang diambil daripada sesebuah kedai ini dengan berhutang dan tidak dituliskan harganya. Apa yang ditulis tuan kedai di dalam bukunya, itulah yang mesti dibayar selepas musim mengetam padi atau selepas menjual getah. Hutang ini tidak direkodkan atau disemak, berkemungkinan majoriti petani Melayu pada waktu ini buta huruf atau malas mencatat rekod hutang kerana petani Melayu amat percaya kepada tuan kedai. Namun begitu, apa yang kerap kali berlaku, apabila petani tadi hendak membayar hutang, mereka akan terkejut mendengar jumlah hutang yang di luar jangkaan. Hal ini pernah terjadi kepada individu yang dikenali sebagai Awang Kechik. Beliau dikatakan tidak mampu untuk menjelaskan hutang penyewa tanah sawah dan barangan runcit yang diambil dari tuan kedai Cina Yap Looi sebanyak \$100 pada tahun 1916. Apabila berlaku keadaan seperti ini, Awang Kechik terpaksa menjual barang atau harta yang ada bagi menjelaskan hutang ekoran tidak berupaya lagi untuk menolak desakan tuan kedai (SUK KEDAH 1134/34). Apa yang menyedihkan, kes ini akan berakhir dengan harta penghutang (petani Melayu) bertukar tangan kepada tuan kedai.

Pemilik kedai-kedai tempatan ini kebanyakannya dimiliki oleh orang Cina. Mereka boleh hidup dalam kelompok yang kecil dalam masyarakat Melayu di kampung-kampung dalam negeri Kedah. Masyarakat Cina di sini rata-rata menjalankan perniagaan dengan membuka kedai runcit dan menjaja ikan. Sikap orang Cina pada waktu itu yang dilihat mudah mengasimilasi budaya Melayu seperti bersikap ramah-tamah, mudah menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat Melayu dan boleh bertolak ansur menyebabkan mereka mudah diterima baik oleh komuniti Melayu di kampung-kampung dan dianggap sebagai sebahagian daripada ahli masyarakat. Malahan apabila berlangsungnya kenduri kendara di kampung, pekedai Cina ini juga tidak lokek menyumbang duit, barangan runcit dan tenaga (Abdul Majid 1982, 15). Disebabkan itulah, masyarakat Melayu pada masa itu tanpa segan silu berhutang dengan para pekedai Cina ini memandangkan wujud jalinan hubungan yang baik di antara mereka. Situasi ini walau bagaimanapun menjerat mereka sendiri apabila

akhirnya gagal menjelaskan hutang yang semakin hari semakin tinggi. Akhirnya, harta mereka habis tergadai dan terus dibelenggu dengan kemiskinan.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, keadaan sosioekonomi orang Melayu di Kedah dalam suku pertama abad ke-20 dilihat kurang memberangsangkan dan sentiasa hidup dalam kemiskinan. Kehidupan masyarakat Melayu yang dibelenggu hutang tidak berkesudahan disebabkan berlakunya penindasan orang tengah, sikap orang Melayu itu sendiri dan pengabaian kerajaan British terhadap masyarakat tani. Para petani Melayu juga telah ditindas oleh gejala hutang akibat terpaksa membayar faedah yang tinggi. Sumber-sumber yang memberi pinjaman selalunya mengenakan kadar faedah antara 100 hingga 300 peratus setahun. Fenomena inilah yang menyebabkan petani Melayu terus dibelenggu pemiutang yang akhirnya membawa kepada penggadaian harta benda seterusnya mereka terus berada dalam kemunduran.

## **NOTA**

1. Hutang lapuk bermaksud hutang yang tidak dibayar (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hutang+lapuk>).
2. Phua Leong merupakan seorang peladang Cina yang aktif memberikan pinjaman kepada para petani di Kedah. Beliau merupakan seorang yang berharta dan mempunyai hubungan yang baik dengan Sultan Abdul Hamid (Sharom Ahmat 1970, 2-3).
3. Frank Swettenham menyifatkan orang Melayu sebagai "...dia seorang yang berani dan amanah dalam menjalankan tugas, tetapi dia juga bersikap suka berbelanja, suka meminjam wang dan lambat pula membayar balik" (Swettenham 2003, 2).
4. Pengabaian dari segi peruntukan di kawasan luar bandar oleh kerajaan merangkumi aspek pelajaran, kesihatan dan perhubungan. Keadaan ini memburukkan lagi situasi golongan petani di Kedah (Ungku Abdul Aziz 1987, 106).
5. Kandungan pelajaran yang kurang memberi faedah diberikan kepada masyarakat Melayu seperti pelajaran berkaitan perkebunan, kraftangan, pertukangan dan mengenal huruf. Bidang-bidang pelajaran ini ternyata kurang nilai ekonominya dan hanya sekadar mahu menjadikan orang Melayu tidak buta huruf dan mahu mengekalkan mereka pada kedudukan yang asal dan tidak berubah. Dalam hal ini, pihak British dilihat mengongkong kemajuan yang hendak dicapai oleh masyarakat Melayu terutamanya mata pelajaran moden seperti Bahasa Inggeris

dan Sains yang tidak diperkenalkan langsung di sekolah vernakular Melayu sehingga tahun 1945 (Mohamad Muzammil 2012, 10).

6. Salah satu kes hutang yang melibatkan keluarga diraja dapat dilihat melalui kes yang melibatkan Tunku Abdullah bin Tunku Mahmud yang berhutang kepada seorang ceti bernama N.V.M.R.M. Ramsamy sebanyak \$118.00 pada tahun 1916. Dalam kes ini, Tunku Abdullah didapati gagal menjelaskan hutang beliau dan menyebabkan beliau didakwa di mahkamah Alor Setar (SUK KEDAH 2695/1351).
7. Padi huma atau padi bukit merupakan sejenis padi yang ditanam di kawasan tanah mineral atau tanah tanpa genangan air di kawasan lereng bukit. Padi huma sesuai ditanam di kawasan pedalaman oleh masyarakat Melayu dan masyarakat Orang Asli juga penduduk peribumi tempatan sebagai satu tanaman yang agak penting sejak dahulu kala untuk menampung bekalan makanan mereka (Risalah Jenis-Jenis Padi, tiada halaman)
8. Dari segi istilah, Nattukottai bermaksud Kota Negara. Nattukottai juga dikenali sebagai Nagarathar yang bermaksud orang yang tinggal di bandar atau Nagaram. Nagaram dalam bahasa tamil kuno adalah tempat perniagaan. Golongan Nattukottai ini berketurunan tamil dan tinggal di wilayah Chola pada asalnya, kemudian mereka berpindah ke wilayah Pandya. Mereka inilah yang mula-mula sekali menggunakan gelaran Nattukhottai dan mempopularkan penggunaan perkataan *Chettiar* pada nama dan perniagaan mereka. Antara nama lain bagi ceti Nattukottai adalah dhanavanigar, dhanavaisyar, nattarasankottaichettiar, nattukkottainagarathar, nattukkottaichettiar, ratinamaguda thanavaisyar, sivakottiravaisyar, chetti-pillaigal dan dhani-desigal. Golongan *Nattukottai Chettiar* yang sangat berjaya dan kaya raya, hal ini kerana mereka menjalankan rangkaian perniagaan antarabangsa dan aktif memberi pinjaman setiap hari. Golongan *Nattukottai Chettiar* ini menganggap diri mereka berprestij dan dihormati berdasarkan kekayaan yang dijana melalui aktiviti ekonomi mereka. Status sosial mereka dikatakan lebih baik daripada golongan Vaisya. (Ummadevi Suppiah, Sivachandralingam Sundara Raja, 2016, 2-3).

## **RUJUKAN**

### **Sumber Primer**

*Al-Ikhwān*, 16 Mei 1927.

CO 273/311, W. D. Barnes, Memo on Kedah, 21<sup>st</sup> January, 1905.

CO 273/388, Abolition of Debt-Bondage in Kedah.

CO 273/388, Kedah Civil Service.



*Nur Najwa Yusof et al.*

CO 716/1, M. S. H. Mc Arthur, The Annual Report of the British Adviser to the Kedah Government for the Year 1338 A. H. (26<sup>th</sup> September 1919-14<sup>th</sup> September 1920).

H. C. O. KEDAH 154/1913, Proclamation Abolishing Debt Bondage in the State of Kedah.

*Malayan Saturday Post*, 2 Februari 1924.

Proceedings of the Federal Council, Federated Malay States (FMS) 1915, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office, 1916.

SP.18/5E/19, Manuskrip Jalan Keselamatan Bagi Orang-orang Melayu.

SUK KEDAH 42/33, Pohon Hendak Appeal Case Pengaduan Iya Apa Di Atas Haji Minah dan Sepiah Itu Dengan Jalan Appeal Miskin.

SUK KEDAH 244/1351, Civil Case No. 366/1348 Lower Court Sungai Petani. S. S. T. Palaniappa Chetty-Plaintif, Mohamed Bin Yusoff Vs Yahaya bin Haji Yusoff Defendant. Permission to Effect Auction Sale of Land Comprised Under Surat Putus No. 36469 in Mukim Bujang Kuala Muda, Belonging First Defendant.

SUK KEDAH 312-1346, Annual Report of the Co-Operative Societies Department During 1345.

SUK KEDAH 561-1337, Return for 1916 and 1917 of (1) Exports from Kedah and Perlis to Penang. (2) Imports into Kedah and Perlis from Penang.

SUK KEDAH 666/34, Applies For A Pauper Appeal In His Case With Toh Abdullah, Chah and Taha.

SUK KEDAH 1005-1351, Ceti A. R. P. L. S. P Muthuya Alor Setar Menuntut Hutang Daripada H. H. Tunku Arafah binti Tunku Othman Haji dan Syed Abdul Hamid bin Syed Mohamed.

SUK KEDAH 1134/34, Asks For A Pauper Appeal Against The Judgement of The High Court In his Case With Yap Looi.

SUK KEDAH 1308/1330, Kata Akan Bicharanya Dengan WarisWaris Tok Saman Fasal Tuntut Padi Pusaka Bapanya Haji Ali 10 KunchaYang Sudah Mahkamah Besar Hukum Yang Kedua Kali Buang Bichara Itu Di Pintakan Buangkan.

*Isu-Isu Kemiskinan dalam Kalangan Masyarakat Melayu Kedah*

SUK KEDAH 1792/1343, Members of the Staff of The Survey Office Kulim, Asks to Form a Co-Operative Society.

SUK KEDAH 1848/1330, Kata Akan Bichara-Nya Dengan Waris Waris To' Seman Pekara Padi 10 Kuncha Yang Sudah Appeal Court Putus Hukuman Alah-Nya Ini Di Pinta Kerajaan Timbang Kan.

SUK KEDAH 2288/1330, Kepala Pekerjaan Tanah Di Beri Report Adalah 16 Pucuk Surat Hutang Telah Di Register Tiada Mengikut Sebagaimana Undang-Undang Ban Orang Yang Berhutang.

(SUK KEDAH 2695/1351, N.V.M.R.M. Ramsamy Chetty Menghantar Surat Tariyak kepada Krajaan).

SUK KEDAH 2885/1335, That the Production of Local Foodstuffs be Increased.

SUK KEDAH 2912/31, Daripada Fasal Aduan Matt Yasin Diatas Jusoh Fasal Tiada Mahu Bayar Sewa Tanah Bendang Nia Ia Itu Penyewa Dengan Padi Sebanyak Dua Kuncha Setengah di Tempat Mahkamah Kuala Muda.

SUK KEDAH 3858/1351, Debt of the Late H. H. Tunku Osman Haji Bin Tunku Idris to Annamalai Chetty.

**Sumber Sekunder**

Abdul Majid Mohamed. 1982. *Gerakan Kerjasama di Tanah Melayu dan Seberang Laut*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Afifuddin Omar. 1981. "Penanaman Padi di Kedah: Sejarah Peranan dalam Ekonomi Negeri Kedah", dalam *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, anjuran Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, 28 November-1 Disember 1981. Kedah: Wisma Negeri Kedah.

\_\_\_\_\_ 1986. *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Doering, Otto Charles. 1973. *Malaysian Rice Policy and the Muda River Irrigation Project*, Ph.D Thesis. New York: Cornell University (Mikrofilem 927).

Nur Najwa Yusof et al.

- Kratoska, Paul H. 1975. 'Proconsuls, Yeoman and Rice Farmers: Cultural Categories in British Malaya', (Ph.D Thesis). Chicago: The University of Chicago (Mikrofilem 938).
- Kularajah, N.A. 1969. *Pengenalan Kepada Gerakan Kerjasama*, Nordin Abdul Hamid dan Aziz Manap (Penterjemah). Petaling Jaya: Syarikat Percetakan Kerjasama SeMalaysia Berhad.
- Lim, Chong Yah. 1967. *Economic Development of Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Logan, J.R. 1851. Notes at Pinang, Kidah &C, dalam *Journal of the Indian Archipelago*. Series 1, (5): 53-65.
- Mahani Musa. 2005. *Sejarah dan Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah, 1881-1940*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_ 2006. "Undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1311 Hijrah/1893 Masihi)", dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (editor), *Kesultanan Melayu Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Isa Othman. 2001. *Pengalaman Kedah dan Perlis: Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2012. *Guru Melayu dan Politik di Kedah 1940-1960*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Risalah Jenis-Jenis Padi. 2016. Kedah: Muzium Padi.
- Scott, James C. 1985. *Weapons of the Weak: Everyday Forms of Peasant Resistance*. New Haven: Yale University Press.
- Sharom Ahmat. 1970. "The Structure of The Economy of Kedah, 1879-1905", dalam *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*. Vol. XLIII, Part II.
- \_\_\_\_\_ 1984. *The Tradition and Change in a Malay State: A Study of The Economic and Political Development of Kedah 1878-1923*, MBRAS Monograf No. 12. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Swettenham, F.A. 2003. *Perihal Orang Melayu*, Zubaidah Ibrahim (Penterjemah). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Syed Husin Ali. 1972. "Land Concentration and Poverty Among the Rural Malay", dalam *Journal of the Arts and Social Sciences of Southeast Asia NUSANTARA, Majalah Sastera dan Ilmu-ilmu Kemasyarakatan Asia Tenggara (KDN5729)*, Bil. 1, Januari 1972. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ummadevi Suppiah, Sivachandralingam Sundara Raja. 2016. *The Chettiar Role in Malaysia's Economic History*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Ungku Abdul Aziz. 1987. *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Voon, Phin Keong. 1987. *Indebtedness and Land Use in Pre-War Malaya With Special Reference to the Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya.

**Sumber Internet**

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hutang+lapuk>